

CARPINE TABLET 200MG

Carbamazepine 200mg

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan CARPINE
2. Bagaimana CARPINE berfungsi
3. Sebelum mengambil CARPINE
4. Cara menggunakan CARPINE
5. Semasa menggunakan CARPINE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CARPINE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan CARPINE

Ubat ini digunakan untuk mengawal:

- Epilepsi
- tiba-tiba, muka sakit akibat serangan berulang
- mania, masalah mental

Bagaimana CARPINE berfungsi

CARPINE mengandungi bahan aktif *carbamazepine*. *Carbamazepine* tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antikonvulsan.

Ubat ini mengawal bahan kimia dalam otak supaya sawan tidak berlaku.

Ia juga mengawal fungsi saraf yang lain dalam badan.

Keadaan anda boleh dirawat dengan ubat CARPINE sahaja atau dengan kombinasi ubat lain.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan CARPINE dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin

membekalkan CARPINE untuk tujuan lain.

Ubat ini hanya boleh diperolehi melalui preskripsi doktor.

Sebelum mengambil CARPINE

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- *carbamazepine* (bahan aktif CARPINE) atau sebarang bahan lain yang disenaraikan di hujung risalah ini
- sebarang ubat lain yang mengandungi *carbamazepine*

Beritahu doktor anda jika anda alergi terhadap oxcarbazepine atau phenytoin. Kedua-dua ubat ini juga digunakan untuk merawat epilepsi. Sesetengah orang yang alah terhadap oxcarbazepine atau phenytoin juga alah terhadap CARPINE.

Sesetengah simptom-simptom alergi termasuklah sesak nafas; bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan lain; ruam kulit, gatal-gatal atau bintik-bintik merah pada kulit.

Jangan mengambil CARPINE jika anda sedang mengambil *monoamine oxidase inhibitor (MAOI)* atau telah mengambil dalam masa 14 hari yang lepas.

Jangan mengambil CARPINE jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah keasihatan seperti yang berikut:

- penyakit hati yang serius

- penyakit darah, bilangan sel darah merah atau putih atau platelet berkurangan
- denyutan jantung yang tidak teratur disebabkan oleh keadaan yang dikenali sebagai *A-V block*.
- *Systemic lupus erythematosus (SLE)*

Jika anda tidak pasti sama ada anda mengalami sebarang keadaan di atas, tanya doktor anda.

Jangan mengambil CARPINE selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan seperti yang berikut:

- masalah jantung
- masalah prostat
- masalah hati atau ginjal
- gangguan mental seperti kemurungan

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau anda menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil CARPINE.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan CARPINE boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- ubat *monoamine oxidase inhibitor (MAOI)*.
- ubat lain yang digunakan untuk merawat kemurungan seperti *fluvoxamine*, *nefazodone*, *paroxetine*
- ubat lain yang digunakan untuk merawat sawan termasuklah *phenytoin*,
- sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat gangguan mental seperti *clozapine*, *haloperidol*, *thioridazine*, *lithium*, *olanzapine*, *quetiapine*, *risperidone* dan *ziprasidone*
- sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat masalah jantung
- warfarin, sejenis ubat yang digunakan untuk mencegah darah beku
- sesetengah diuretik (diuretik adalah ubat-ubatan yang membantu menyingkirkan natrium (garam) dan air dari badan.
- sesetengah antibiotik dan antikulat
- kortikosteroid seperti *prednisolone* dan *dexamethasone*
- *St John's wort*
- *antihistamine* seperti *loratadine*
- *isoniazid*, sejenis ubat yang digunakan untuk

mencegah dan merawat tuberkulosis

- *acetazolamide*, sejenis ubat yang digunakan untuk mengurangkan retensi cecair dan untuk merawat glaukoma dan sesetengah jenis sawan
- ubat yang digunakan untuk merawat ulser perut atau duodenal seperti *cimetidine* dan *omeprazole*
- sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat asma, seperti *theophylline* dan *aminophylline*
- *cyclosporin* dan *everolimus*
- sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat kanser, seperti *cisplatin*, *doxorubicin* dan *imatinib*
- *methadone*, sejenis ubat yang digunakan untuk merawat kesakitan yang teruk dan untuk merawat ketagihan heroin
- *metoclopramide*, sejenis ubat yang digunakan untuk merawat rasa loya dan muntah-muntah
- *isotretinoin*, sejenis ubat yang digunakan untuk merawat jerawat
- *danazol*, ubat yang digunakan untuk merawat *endometriosis* (*Endometriosis* adalah gangguan yang berlaku apabila sel-sel dari lapisan rahim (uterus) tumbuh di kawasan lain badan).
- sejenis vitamin yang dikenali sebagai *nicotinamide*
- ubat pelega otot
- ubat yang mengandungi *oestrogen* dan *progesterone*

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh CARPINE atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil CARPINE atau yang perlu dielakkan.

Cara menggunakan CARPINE

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak pil yang perlu diambil setiap hari. Ini bergantung kepada umur, keadaan anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat lain.

Doktor biasanya akan memulakan rawatan dengan dos yang rendah dan kemudian meningkat dengan perlahan-lahan kepada jumlah yang paling minima untuk mengawal keadaan anda. Sesetengah orang akan memerlukan dos yang lebih tinggi daripada orang lain.

Epilepsi

Dewasa dan kanak-kanak lebih 15 tahun:

Pada mulanya, 100 hingga 200mg sekali atau dua kali sehari. Perlahan-lahan meningkatkan dos kepada 400mg 2 atau 3 kali sehari.

Kanak-kanak umur 6 hingga 15 tahun:

100mg setiap hari. Jumlah dos harian ini akan dibahagikan kepada dua kali. Dos harian tidak patut melebihi 1000mg.

Trigeminal neuralgia

Dos permulaan ialah 200 hingga 400mg setiap hari.

Jumlah dos harian ini akan dibahagikan kepada dua kali. Dos harian tidak patut melebihi 1200mg.

Kanak-kanak dibawah 6 tahun

10mg – 20mg sekali sehari

Mania

Dos antara 400 hingga 1600mg setiap hari.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

Patuhi semua arahan yang diberikan kepada anda. Jika anda mengambil dos yang salah, CARPINE tidak akan berfungsi dengan baik dan masalah anda tidak akan pulih.

- *Bila perlu digunakan*

CARPINE boleh diambil semasa atau selepas makan dengan sedikit cecair.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan mengambil CARPINE selagi diarahkan oleh doktor anda.

Ubat ini membantu mengawal keadaan anda, tetapi tidak menyembuhkannya. Anda mesti mengambil ubat ini setiap hari walaupun anda berasa sihat.

Jangan berhenti mangambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda. Jangan biarkan diri anda kehabisan ubat pada hujung minggu atau semasa bercuti.

Jika anda tiba-tiba berhenti mangambil CARPINE atau menurunkan dos, keadaan anda akan bertambah teruk dan menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Jika anda

mengambil ubat ini untuk merawat epilepsi, anda akan diserang sawan. Doktor biasanya akan mengurangkan dos secara perlahan-lahan sebelum anda boleh berhenti mangambil ubat ini sepenuhnya.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mangambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mangambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- *Jika mangambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mangambil CARPINE, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simptom-simptom overdos termasuklah kekeliruan, pengsan, muntah, sukar

bernafas, degupan jantung cepat dan tidak teratur, penglihatan kabur dan pertuturan tidak jelas.

Semasa menggunakan CARPINE

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda akan mula mangambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mangambil CARPINE.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mangambil ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti mangambil ubat anda atau mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mangambil CARPINE untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana CARPINE mempengaruhi anda. Ubat ini mungkin menyebabkan rasa pening atau gayang di kalangan sesetengah orang. Jika anda mengalami sebarang simptom-simptom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan.

Berhati-hati semasa meminum alkohol semasa anda mangambil ubat ini. Jika anda minum alkohol, rasa pening

atau gayang akan bertambah buruk.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda rasa tidak sihat selepas mengambil CARPINE. Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- pening atau gayang
- keletihan atau rasa mengantuk
- sakit mata
- sakit kepala
- otot sakit atau kejang
- rasa loya (tidak sihat) atau muntah-muntah, hilang selera makan
- sakit perut atau tidak selesa
- kekeringan mulut
- ulser mulut
- penglihatan kabur atau berganda
- berpeluh
- rambut gugur
- jerawat

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan CARPINE

Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pekny. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat bersuhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan CARPINE atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil CARPINE atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

CARPINE tablet berbentuk bulat, bergores, berwarna hijau dengan tanda 'DUO 861' dan bunga.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *carbamazepine*

Bahan tidak aktif:

- *aerosil*
- pewarna kuning
- tepung jagung
- *magnesium stearate*
- *promigel*
- pewarna biru
- laktosa

Nombor MAL

MAL19900675A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN BHD

Lot 2599, Jalan Seruling 59, Kaw 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN BHD

Lot 2599, Jalan Seruling 59, Kaw 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

02/12/2014

Nombor Siri

BPFK(R4/1)021214/00065